

JANGAN TERPEDAYA DENGAN GODAAN INTERNET

Oleh: Asror bin Baharudin, 1171738,
Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Disiarkan pada 21 Ogos 2020



Internet merupakan gedung ilmu yang tiada sempadan dan tepiannya. Tidak dinafikan lagi bahawa penggunaannya memberi banyak faedah kepada pengguna.

Namun, internet juga dapat memerangkap minda remaja sehingga menyebabkan mereka terpengaruh dengan dunia maya.

Unsur-unsur negatif seperti bahan lucah dan aksi ganas yang dipaparkan melalui skrin komputer telah memberi impak negatif yang besar terhadap mereka.

Penyalahgunaan internet menjadikan mereka lalai. Minda remaja sudah ketagih dengan unsur-unsur negatif menyebabkan tercetusnya pelbagai gejala tidak bermoral.

Hal ini berlaku akibat daripada sikap pelajar yang ingin berseronok dengan menyaksikan aksi lucah, ganas dan bermain permainan dalam talian tanpa had. Golongan remaja juga obses dengan budaya kuning yang ditonjolkan dalam internet.

Pensyarah Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Sohana Abdul Hamid dalam jurnal yang diterbitkan pada tahun 2016 bertajuk 'Pengaruh Media Massa Terhadap Perubahan Sosial' telah menunjukkan bahawa hiburan ke arah keseronokan menjadi pilihan utama berbanding dengan slot agama dan wacana ilmu yang boleh menambah ilmu pengetahuan.

Perkembangan ini menunjukkan media massa sangat mempengaruhi tingkah laku, akhlak dan kehidupan sosial remaja.



Tayangan-tayangan filem barat contohnya, telah menolak unsur-unsur ketimuran yang sehati dalam jiwa masyarakat. Adegan lucah hanyalah halwa mata bagi mereka.

Memetik laporan Harian Metro pada 23 Ogos 2017, Pengarah Love Myself Campaign, Dr. Shamsuriani Md Jamal menyatakan bahawa statistik global yang dikeluarkan laman sesawang lucah di Amerika Syarikat baru-baru ini menyebut Malaysia sebagai antara negara paling tinggi di Asia dari segi jumlah penonton bahan pornografi.

Hal ini menunjukkan betapa seriusnya penyebaran budaya tidak bermoral ini berleluasa dalam kalangan remaja kita hari ini.

Di samping itu, ia akan membantutkan misi negara untuk mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 sekali gus menyekat usaha negara untuk melahirkan modal insan dengan minda kelas pertama.

Nama Malaysia yang gah di mata dunia tercalar akibat sikap rakyatnya yang terperangkap oleh alam maya dan kita akan dipandang rendah oleh negara-negara lain.

Dari perspektif Islam pula, etika seorang Muslim ketika menggunakan media sosial hampir sama dengan etika dalam kehidupan yang nyata.

Dia hendaklah mempamerkan akhlak yang baik ketika melayari media sosial supaya menjadi hamba yang bertakwa.

Ingatlah bahawa Allah SWT sentiasa memerhatikan apa sahaja yang kita lakukan termasuk ketika menggunakan media sosial dan internet.